

OBJEKTIF DASAR HARTA INTELEK NEGARA

1. Tahap Sistem Perlindungan Harta Intelek Yang Terbaik

Membangunkan sistem perlindungan Harta Intelek yang berkesan untuk memastikan perolehan perlindungan yang cepat dan mudah serta mekanisma penguatkuasaan yang cekap dan praktikal untuk menyediakan pembetulan dan penyelesaian pelanggaran hak-hak Harta Intelek dan untuk mencegah daripada berlakunya pelanggaran. **Perlindungan Harta Intelek yang cepat dan mudah memberi kelebihan saingan** yang lebih baik dan masa yang lebih panjang untuk mengeksploit Harta Intelek yang dicipta dan **memperolehi pulangan daripada daya usaha dan pelaburan penyelidikan**. Penyelidik digalakkan untuk membangunkan lagi Harta Intelek dan mencipta yang baru. Daripada perspektif undang-undang dan peraturan-peraturan Harta Intelek, ia perlu memenuhi keperluan tempatan dan menunaikan piawai yang ditetapkan dalam perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang Malaysia sertai.

2. Memajukan Aktiviti-aktiviti Penghasilan Harta Intelek

Memajukan aktiviti-aktiviti penghasilan Harta Intelek dengan **memberi fokus kepada pengurusan penyelidikan dan inovasi serta pembangunan yang lebih efektif** di kalangan institusi-institusi penyelidikan, universiti-universiti, industri kecil dan sederhana (IKS) dan individu-individu dan juga dengan perolehan Harta Intelek asing dalam bidang keutamaan tertentu. Untuk memajukan aktiviti-aktiviti penghasilan Harta Intelek ini perlu diwujudkan suasana menggalakkan dan menyediakan insentif-insentif, geran-geran, pengurusan, kewangan, urusniaga, penguatkuasaan dan penyelesaian pertikaian.

3. Memajukan Pengeksploitan Komersil Harta Intelek

Memajukan pengeksploitan komersil Harta Intelek diperlukan untuk pembangunan industri Harta Intelek. Tujuannya adalah untuk membangunkan industri Harta Intelek yang giat dan penting bagi **menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia** pada milenium baru ini.

4. Membangunkan Kemampuan Mengurus Harta Intelek

Membangunkan kemampuan pengurusan Harta Intelek yang mahir di sektor awam dan swasta, untuk meliputi keseluruhan rangkaian aktiviti-aktiviti Harta Intelek daripada peringkat ciptaan kepada perlindungan, pengeksploitan, penilaian, pelesenan, perolehan, penguatkuasaan dan penyelesaian pertikaian. **Kemampuan mengurus adalah amat penting kepada industri Harta Intelek yang matang dan sofistikated.**

5. Pembangunan Infrastruktur Urusniaga Harta Intelek

Industri Harta Intelek yang giat memerlukan **pewujudan industri sokongan** yang sangat maju terutamanya dalam bidang urusan bank dan kewangan. Oleh itu, perlu dikaji infrastruktur perniagaan, urusan bank dan kewangan berkaitan dengan urusniaga berdasarkan Harta Intelek semasa dan masa depan, terutamanya perdagangan, pelesenan, pencagaran dan pensekuritian.

6. Perlindungan Kepentingan Harta Intelek Negara

Menentukan kepentingan **Harta Intelek Malaysia dikawal di peringkat antarabangsa** dengan memantau perkembangan di arena antarabangsa dan menyertai secara aktif dalam forum-forum antarabangsa yang membincang peningkatan perlindungan Harta Intelek, isu-isu baru muncul dan cabaran-cabaran baru disebabkan oleh kemajuan pesat teknologi.

7. *Pembangunan Sumber Manusia dan Kesedaran Awam*

Memajukan pembangunan sumber manusia dengan tujuan **membentuk sekumpulan pakar-pakar yang besar untuk pengurusan Harta Intelekt** di semua peringkat rangkaian aktiviti-aktiviti Harta Intelekt, untuk urusniaga dan untuk pengeksploitan komersil Harta Intelekt. Ia juga perlu untuk **meningkatkan tahap kesedaran awam** berkaitan dengan tujuan mengadakan sistem perlindungan Harta Intelekt, peranan penting Harta Intelekt dalam pembangunan sosio-ekonomi dan teknologi negara dan perlunya hak-hak eksklusif pemilik Harta Intelekt yang diberi oleh undang-undang diiktiraf dan dihormati. Pembangunan sumber manusia dan kesedaran awam boleh menyumbang kepada pengurangan pelanggaran hak dan menanam budaya Harta Intelekt.

8. *Memajukan Pelaburan dan Pemandahan Teknologi Asing*

Menggalakkan lebih banyak pelaburan dan pemandahan teknologi asing dengan memberi jaminan piawaian perlindungan Harta Intelekt tertinggi yang boleh meyakinkan pelabur-pelabur mengenai perlindungan Harta Intelekt yang dibawa ke Malaysia, peluang untuk memperolehi pulangan daripada pelaburan mereka dan adanya saluran-saluran perundangan untuk mendapat pembedahan dan penyelesaian kes-kes pelanggaran. Dengan adanya teknologi asing, pemandahan teknologi yang diperlukan dapat digalakkan melalui perolehan, pelesenan, francais, dan lain-lain.

Untuk keterangan lebih lanjut berkaitan **Objektif Dasar Harta Intelekt Negara, sila layari www.kpdnkk.gov.my

**Unit SME merupakan pejabat yang bertanggungjawab di dalam usaha mengkomersilkan produk penyelidikan UniMAP. Harta Intelekt dan isu berkaitan dengannya juga berada di bawah tanggungjawab unit ini. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi terus:

Small Medium Enterprise Unit
Jabatan Canselori
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
N0: 12, Taman Utara Jejawi
Jalan Jejawi Sematang
02600 Arau
Perlis
Tel: (04)-9798941/42 Fax: (04)-9782749

Bersambung pada keluaran akan datang...

OBJECTIVE NATIONAL INTELLECTUAL PROPERTY POLICY

1. The Best IP Protection System

Develop systems and effective protection of Intellectual Property to ensure revenue protection and the rights of the fast, easy and efficient enforcement mechanisms and practical to provide a correction and resolution of violations, breaches of rights in the Intellectual Property and to prevent any violations to IP. The rapid change of technology and the protection of Intellectual Property in a quick and convenient way will give the owner a better competitive advantage and longer time to exploit the invention and obtained a return on investment and effort. Therefore owner is encouraged to further develop and create new Intellectual Property. From the perspective of law, all laws and regulations Intellectual Property are developed to meet the local needs and the standards set by international agreements and conventions to which Malaysia participated.

2. To Increase The Intellectual Property Procurement

Promotion on the procurement of Intellectual Property should focus on the management of innovation and research development and its effectiveness among research institutions, universities, small and medium enterprises (SMEs) and individuals. This should also include the acquisition of foreign Intellectual Property in priority areas. To promote the production of Intellectual Property activities, there should be an environment that provides incentives, grants, management, finance, business, enforcement and dispute resolution.

3. Developing Commercial Exploitation Of Intellectual Property

Promote the commercial exploitation Intellectual Property as the main activities is required to further develop the Intellectual Property industry. The ultimate purpose is to develop a robust Intellectual Property industry vital to the growth of the Malaysian economy in the new millennium.

4. To Develop The Skills In The Intellectual Property Management

Developing management skills of Intellectual Property requires a specialist in public and private sectors, to cover the entire range of Intellectual Property activities from creation stage to the protection, exploitation, evaluation, licensing, acquisition, enforcement and management pertikaian. Management skill is very important to allow the Intellectual Property industry becoming mature and sophisticated.

5. Infrastructure Development Of Intellectual Property And Its Transaction

Intellectual Property industry which actively support the industry will require the creation of a highly developed, particularly in the areas of banking and finance. In lieu, a revision by a business infrastructure, banking and related financial transactions will be based on current and future Intellectual Property, especially trade, licensing, and securitization collateralized.

6. Protection of National Intellectual Property Interests

The governance of Intellectual Property in Malaysia is conducted by constant monitoring its progress and development at international level. The active participation in international forums will also increase the awareness of Intellectual Property, emerging issues and new challenges caused by rapid technological progress.

7. *Human Resource Development and Public Awareness*

The promotion of human resource development is crucial in order to form a group of specialists for Intellectual Property management at all levels, transactions and for commercialisation of Intellectual Property. It is also necessary to increase public awareness related to the objective of the protection system Intellectual Property, Intellectual Property vital role in socio-economic development and technology and the need for exclusive rights granted by the owner of Intellectual Property law recognized and respected. Human resource development and public awareness can contribute to the reduction of violations of rights and the culture of Intellectual Property.

8. *Developing Foreign Investment and Technology Transfer*

Encourage more foreign investment and technology transfer to member will ensure protection and standards of Intellectual Property which may convince investors to protect their Intellectual Property brought to Malaysia. This will provide the opportunity to earn a return on their investments and the legal channels to seek correction and resolution of violations. With foreign technology, the encouragement is done through the acquisition, licensing, franchising, and others.

****For more details on *National Intellectual Property Policy and its objectives*, please visit www.kpdnkk.gov.my**

****SME Unit is the office in charge to commercialise the university's research product. IP and issues related to it is also under the custodian of this office. For further enquiries, please contact:**

Small Medium Enterprise Unit
Jabatan Canselori
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
N0: 12, Taman Utara Jejawi
Jalan Jejawi Sematang
02600 Arau
Perlis
Tel: (04)-9798941/42 Fax: (04)-9782749

To be continued...